



BULETIN SPRM

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

LAPORKAN RASUAH
1-800-88-6000



SPRM Bil 4/2016

ISSN : 1675 -5170

Bebas • Telus • Profesional



◀ **Datuk Dzul kifli bin Ahmad**
Angkat Sumpah Sebagai
Ketua Pesuruhjaya SPRM Ke-13

**Majlis
Paluan
Berundur** ▶▶



**Resolusi
Gombak**
Dibentuk ▶▶



Ikuti kami :



www.macc.fm



facebook.com/SPRM



www.sprm.gov.my



www.ourdifferentview.com



[@SPRMCommunity](https://twitter.com/SPRMCommunity)



[@SPRMMalaysia](https://twitter.com/SPRMMalaysia)



flickr.com/photos/ourdifferentview



youtube.com/user/ODVMACC

KANDUNGAN

PENA PENGARANG	2
SEGMENT KHAS Datuk Dzulkifli Ahmad Nakhoda Baharu SPRM	3
PALUAN BERUNDUR TOKOH SPRM • Tokoh Transformasi SPRM • Tokoh Kesateria SPRM • Tokoh Integriti SPRM	5
PANEL BEBAS SPRM Lantikan Barisan Baharu PPPR dan PPO	8
LENSA	10
PENDIDIKAN Konvensyen SPR IPT Ke-6 Lahirkan Resolusi Gombak	12
ALL SPRM 'WalkAbout SPRM' – Duta Pencegahan Rasuah	13
ARTIKEL Kuasa Pengguna Perangi Rasuah	15
.....	
Buletin SPRM diterbitkan oleh Seksyen Penerbitan, Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM melalui konsep "Informasi Dikongsi Rasuah Dihindari". Artikel-artikel dalam buletin ini hanyalah pandangan peribadi penulis, bukan dasar atau kenyataan rasmi SPRM dan tiada kaitan dengan mana-mana pihak. Buletin ini diedarkan secara percuma kepada sektor kerajaan, badan berkanun, swasta dan perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS) seluruh negara.	
PENCETAK MPH Group Printing (M) Sdn Bhd No.31 Jalan 2/148A, Taman Sungai Besi Industrial Park, 57100 Kuala Lumpur Tel : 03-7987 0966 Faks : 03-7984 0966	

Pena PENGARANG



Assalamualaikum WBT,
Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia
dan Salam Integriti.

Alhamdulillah, syukur kepada Illahi, kita diestuai untuk menyambut bulan Syawal yang mulia dengan merayakan Hari Raya Aidilfitri bersama dengan keluarga tersayang dan sahabat handai dalam kemeriahan, kemesraan dan kasih sayang.

Di sebalik ucapan Maaf Zahir dan Batin, kami di SPRM turut mengingatkan warga Malaysia untuk mengamalkan sikap 'Toleransi Sifar' terhadap rasuah dan menghayati ajaran hidup bertaqwa.

Di sebalik suasana perayaan, SPRM juga telah melalui senario perubahan bak kata pepatah 'Change is the only constant'. SPRM telah melalui satu detik penghijrahan dalam pucuk kepimpinan badan pencegahan rasuah ini. Barisan kepimpinan tertinggi, terdiri daripada Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Dato' Sri Mohd. Shukri bin Abdull dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali, telah berundur dari gelanggang SPRM.

Warga SPRM, saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada wira-wira SPRM ini ke atas segala kepimpinan, sumbangan dan pengorbanan mereka sepanjang perkhidmatan di SPRM. Tidak juga dilupakan segala tunjuk ajar dan detik-detik kekeluargaan yang telah dikongsi bersama warga SPRM tanpa rasa jemu dan penat. Jasa mereka akan dikenang dan seluruh warga SPRM mengucapkan selamat maju jaya di masa hadapan. Semoga semangat membanteras rasuah terus diperjuangkan di mana jua.

Setiap pemergian mesti disambut dengan kedatangan, dan di sini, warga SPRM mengalu-alukan Datuk Dzulkifli bin Ahmad sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM baharu bagi menerajui kepimpinan SPRM berkuatkuasa 1 Ogos 2016. Semoga kepimpinan beliau akan meneruskan usaha serta semangat membasmi rasuah serta membawa SPRM ke tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan unggul.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama mengenang dan menyambut kemerdekaan Malaysia yang tercinta dan menyemarakkan semangat merdeka dalam membebaskan Malaysia daripada gejala rasuah dan terus bersama SPRM.

"Anda Boleh Lakukan Perubahan, PERANGI Rasuah".

Dato' Shamsun Baharin bin Mohd Jamil
Penasihat Eksekutif Editorial

SEGMENT KHAS

Tahniah dan Selamat Datang DATUK DZULKIFLI AHMAD, NAKHODA BAHARU SPRM

Kronologi Pelantikan



1 OGOS
Melapor diri di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyandang jawatan Ketua Pesuruhjaya SPRM yang ke-13.

23 OGOS
Mengangkat sumpah di hadapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah di Istana Negara selaras dengan Seksyen 5 (7) Akta SPRM 2009.

25 OGOS
Menyampaikan amanat sulung di Majlis Perhimpunan Bulanan SPRM bulan Ogos.

"SPRM mesti mesra rakyat, tetapi digeruni perasuah".

3 Misi KP SPRM

- Perkhidmatan awam bebas rasuah dalam 3 tahun
- Sasaran siasatan terhadap pegawai badan awam dan GLC yang hidup mewah melangkaui pendapatan
- Pemantapan kes-kes penggubalan wang haram dan tindakan pelucuthakan harta bagi mencegah ketirisan dana kerajaan



• Biodata Ringkas - DATUK DZULKIFLI BIN AHMAD

- 
1975 – 1980
Pendidikan awal di Sekolah Rendah Hashim Awang, Kepala Batas, Seberang Prai Utara, Pulau Pinang
- 
1981 – 1985
 - Pendidikan menengah di Sekolah Menengah Agama Al-Irshad, Kepala Batas, Pulau Pinang
 - Kolej Islam Klang (1984 – 1985).
- 
1992
Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- 
1993 – 2002
Mula bertugas di Jabatan Peguam Negara (JPN) sebagai Timbalan Pendakwa Raya (TPR) di Unit Jenayah Perdagangan, Bahagian Pendakwaan.
- 
Mac 2002 – Feb 2003
TPR Unit Terkelas JPN
- 
2004 – 2010
Ketua Unit, Unit Pelucuthakan Harta dan Pengubahan Wang Haram, JPN
- 
2010 – 2015
Ketua Unit Jenayah Perdagangan, JPN
- 
15 Jan – 11 Ogos 2015
Pengarah Pengurusan Kes-kes Jenayah, Bahagian Pendakwaan, JPN
- 
12 Ogos 2015 – 31 Jul 2016
Pengarah Pasukan Penguatkuasaan Pemulihan Hasil Negara, JPN
- 
1 Ogos 2016
Ketua Pesuruhjaya SPRM ke-13

• Kemuncak Kes-Kes Berprofil Tinggi

Penipuan dan pecah amanah Lembaga Tabung Haji bernilai **RM200 juta**

Pengubahan wang haram melebihi **RM41 juta** melibatkan seorang doktor

Penipuan berhubung projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ)

Kes Rasuah Bekas Menteri Besar Selangor, Dr. Mohamad Khir Toyo

◀ TOKOH SPRM



Selamat Tinggal
WIRA-WIRA SPRM
SELAMAT MAJU JAYA dan Teruskan Perjuangan Membanteras Rasuah



“Kegagalan untuk melakukan perubahan akan menjadikan SPRM ketinggalan di belakang. Kita tidak mahu sebuah agensi pencegahan rasuah yang tertua di dunia ini ketinggalan hanya disebabkan kita gagal membuat perubahan-perubahan yang teras, iaitu keperluan bagi memastikan SPRM masih relevan pada hari ini dan masa akan datang,” kata Tan Sri Abu Kassim semasa menyampaikan amanat di Majlis Paluan Berundur di mana beliau dinobatkan sebagai Tokoh Transformasi SPRM.

‘TOKOH TRANSFORMASI SPRM’
 TAN SRI (DR) ABU KASSIM BIN MOHAMED,
 KETUA PESURUHJAYA SPRM KE-12
 (JAN 2010 – JUL 2016)



'TOKOH KESATERIA SPRM'
DATO' SRI MOHD SHUKRI BIN
ABDULL,
TIMBALAN KETUA
PESURUHJAYA (OPERASI)
SPRM

“Mencegah rasuah bukanlah kerja yang mudah. Banyak halangan dan dugaan yang terpaksa dihadapi. Hadapilah segala rintangan ini dengan hati yang penuh cecal dan tabah. Sudah tentu ramai orang tidak suka kepada kerja-kerja mencegah kemungkaran. Buatlah kerja dengan betul. Berani berkata benar dan juga berani berkata tidak kepada perkara yang mesti kita berkata tidak dan menjadi pegawai yang berintegriti tinggi dan memikul tanggungjawab dengan penuh dedikasi,” ujar Dato' Sri Mohd Shukri Abdull semasa menyampaikan amanat di Majlis Paluan Berundur di mana beliau dinobatkan sebagai Tokoh Kesateria SPRM.



'TOKOH INTEGRITI SPRM'
DATO' SRI HAJI MUSTAFAR ALI,
TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA
(PENCEGAHAN) SPRM
(Jun 2014 – Jul 2016)

KETUA PENGARAH
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
(mulai 1 OGOS 2016)

“Pengahijrahan ini akan memastikan pelaksanaan berterusan dalam usaha pencegahan rasuah. Apabila saya dipindahkan, ia adalah petanda bahawa kita boleh bertindak untuk mencegah rasuah di mana-mana sahaja, sama ada di dalam atau di luar,” tegasnya semasa menyampaikan amanat di Majlis Paluan Berundur di mana beliau dinobatkan sebagai Tokoh Integriti SPRM.

“Apabila pegawai SPRM diletakkan untuk menerajui sebuah agensi penguatkuasa maka tiga perkara utama akan menjadi keutamaan-Integriti, Ilmu dan Tenaga. Integriti merupakan elemen paling tinggi yang perlu ada dalam diri kita demi kelangsungan pelaksanaan kerja kerana tanpa integriti segala kerja akan menjadi porak-peranda. Usaha memerangi rasuah akan terus ditegakkan di bumi ini sebagai pengabdian kita sebagai pembasmi rasuah,” kata beliau setelah diumumkan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia mulai Ogos 1, 2016.

20 AHLI BAHARU MENERAJUI KEBEBASAN, KETELUSAN DAN PROFESIONAL SPRM

PERJALANAN SPRM ke arah Bebas, Telus dan Profesional menerima satu suntikan baharu menerusi pelantikan 20 anggota badan pemerhati bebas yang memantau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Barisan baru ini akan menyumbang kepakaran mereka di dalam dua panel bebas SPRM iaitu Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) dan Panel Penilaian Operasi (PPO) berkuat kuasa 15 Ogos 2016.

'Anggota Badan Pemantau Bebas SPRM merangkumi keahlian yang berwibawa berasaskan kemahiran, kepakaran serta pengalaman mereka di bidang-bidang professional...'

Antara 20 ahli tersebut yang telah menerima surat watak daripada Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli bin Ahmad, 13 merupakan ahli PPPR manakala tujuh dilantik ke PPO. Anggota Badan Pemantau Bebas SPRM merangkumi keahlian yang berwibawa berasaskan kemahiran, kepakaran serta pengalaman mereka di bidang-bidang professional seperti bidang guaman dan kehakiman, perakaunan, teknologi, penyelidikan dan akademik, media dan komunikasi, bekas pegawai kanan kerajaan serta mewakili golongan Civil Society.

Kedua-dua panel merupakan sebahagian daripada Badan Pemerhati Bebas SPRM yang ditubuhkan secara pentadbiran mengikut Akta SPRM 2009 bagi memastikan 'Check and Balance' SPRM. SPRM yang diwujudkan pada tahun 2009 mempunyai lima badan pemantau bebas iaitu Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (di peringkat Parlimen), Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Jawatankuasa Aduan, PPO dan PPPR.

SPRM merupakan satu-satu agensi penguatkuasa undang-undang negara yang mempunyai mekanisma tersebut untuk memantau serta memperkasakan SPRM sebagai badan pencegah rasuah yang bebas, telus dan profesional serta antara yang terunggul di dunia.



Terma dan rujukan PPPR

- Penasihat kepada SPRM bagi meningkatkan keberkesanan aktiviti pemeriksaan dan perundingan terhadap amalan, sistem dan tatacara kerja di sektor awam;
- Meningkatkan keberkesanan aktiviti pendidikan masyarakat ke arah meningkatkan kesedaran dan sokongan terhadap usaha pencegahan rasuah serta keberkesanan aktiviti pencegahan rasuah melalui mekanisme pengukuhan integriti dalam sektor awam dan sektor swasta.
- Menasihati SPRM tentang amalan-amalan baik (best practices) dalam pelaksanaan aktiviti perundingan dan pencegahan rasuah
- Membantu SPRM sebagai Key Communicator dalam meraih sokongan masyarakat, pihak media dan sektor-sektor
- Mengemukakan ulasan perkembangan SPRM (fungsi perundingan dan pencegahan rasuah di bawah Akta SPRM 2009) kepada Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR).

Terma dan rujukan PPO.

- Menerima dan mendapatkan penjelasan berhubung perangkaan kertas siasatan yang dibuka oleh SPRM,
- Menerima dan meneliti laporan daripada SPRM berhubung:-
 - * kertas siasatan yang tempoh siasatannya melebihi 12 bulan
 - * kes yang mana individu yang ditahan dilepaskan dengan jaminan oleh SPRM melebihi enam bulan
 - * meneliti, mengkaji dan memperakukan kepada LPPR berhubung cadangan untuk meningkatkan keberkesanan operasi siasatan SPRM.
 - * menerima laporan kertas siasatan SPRM yang telah berkeputusan untuk dihentikan siasatan
- Memberi pandangan dari segi penambahbaikan siasatan serta menyemak semula sekiranya siasatan berkenaan memerlukan siasatan lanjut.

Ahli PPPR (Sesi 15 Ogos 2016 - 14 Ogos 2017)

1. **Tan Sri Ismail Adam (Pengerusi)** – Mantan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam
2. **Dato' Wan Mohamad Bin Dato' Sheikh Abdul Aziz** – Mantan Ketua Pengarah JAKIM
3. **Profesor Emeritus Dato' Dr. Mohd Sham bin Mohd Sani** – Mantan Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia
4. **Tan Sri Profesor Dato' Dr. T. Marimuthu** – Profesor *Adjung di Asia e University*
5. **Tan Sri Tang Yeam Soon** – Pengarah Urusan, The Store Corporation Berhad
6. **Dato' V. Danapalan** – Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTI)
7. **Datuk Hasmi bin Hasnan** – Pengasas Naim Land Sdn. Bhd.
8. **Datin Dr. Amla binti Hj. Mohd Salleh** – Karyawan Tamu di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia
9. **Datuk Baljit Singh Sidhu** – Peguambela & Peguamcara di Shukor Baljit & Partners
10. **Datuk Abdul Aziz Ishak** – Ketua Pengarang Kumpulan, Utusan Melayu (Malaysia) Bhd.
11. **Datuk Yusof bin Md. Haslam Khan** – Pengarah Urusan, Skop Productions Sdn. Bhd.
12. **Profesor Dr. Mohamed Hatta Shaharom** – Dekan Pengasas & Pakar Psikiatri, Fakulti Perubatan, Cyberjaya University College of Medical Sciences
13. **Tuan Nasharudin Mat Isa** – Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Pergerakan Kesederhanaan Global (GMMF)



Ahli PPO (Sesi 15 Ogos 2016 - 14 Ogos 2017)

1. **Tan Sri Zaleha binti Zahari (Pengerusi)** – Mantan Hakim Mahkamah Persekutuan
2. **Tan Sri Ismail bin Omar** – Mantan Ketua Polis Negara
3. **Datuk Azizan bin Abdul Rahman** – Pengerusi Malaysian Rating Corporation Berhad
4. **Dato' Dr. Siti Mariam binti Che Ayub** – Mantan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) Lembaga Hasil Dalam Negeri
5. **Dato' Selva Mookiah** – Peguambela & Peguamcara di Selva Mookiah & Associates
6. **Profesor Madya Dato' Dr. Mohammad Agus bin Yusoff** – Profesor Madya di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
7. **YBrs. Profesor Dr. Yap Bee Wah** – Profesor Madya di Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi MARA



MAJLIS PALUAN BERUNDUR- 30 Ogos 2016



Dato' Sri Haji Mustafar Haji Ali bersama Dato' Sri Jamidan Abdullah, Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengurusan & Profesionalisme, SPRM setelah dianugerahkan Tokoh Intgeriti SPRM



Lambaian terakhir untuk semua warga SPRM



Tan Sri Abu Kassim Mohamed dianugerahkan sebagai 'Tokoh Transformasi SPRM'.



Dato' Sri Mohd Shukri Abdull dianugerahkan sebagai 'Tokoh Kesateria SPRM'



Bersatu Berkhidmat, Bersama memerangi Rasuah



Ucapan Aluan oleh Dato' Sri Mohd Jamidan Abdullah, Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengurusan & Profesionalisme, SPRM



Sebak dan rindu dengan pemergian rakan-rakan seperjuangan...



Mengetik kad perakam waktu untuk kali terakhir.



Tan Sri Abu Kassim Mohamed memeriksa kawalan kehormatan bagi kali terakhir sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM.

Pemimpin

*Bukan segala jaksas, anugerah atau kuasa
Bukan banyaknya juak-juak atau bilangan
hubaya-hubaya
Yang menjadikan sosok tubuh itu
Seorang pemimpin!*

*Pemimpin,
Adalah yang berani menugar harapan
Meneroka cabaran, merempuh halangan dan
merintis jalan
Memberi warga harapan
Memberi warga wawasan
Untuk merobah lanskap dan mencorak rona baru
Demi mengangkat martabat bangsanya.*

*Pemimpin
Adalah yang mampu
Berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah
Dalam menyelami, menyelusuri denyut nadi
warganya!
Mampu menyirat senyum dalam amarahnya
Mencipta jaya dalam mengalahnya
Membina harapan dalam menetapkan satu arah
tujuan.*

*Pemimpin
Adalah yang berani berkata tidak
Pada kelansungan palsu demi menjunjung hasrat
warganya.
Dan sanggup korbakan dirinya demi
kelangsungan organisasinya.*

Merekalah, pemimpin itu!

KPKPj Haji Abdul Samat Kasah
Makkah Al Mukaramah
1 Syawal 1437



Haji Abdul Samat Kasah mendeklamasikan puisi untuk pemimpin..



500 WARGA SPR LAHIRKAN 'RESOLUSI GOMBAK'

Seramai 500 pejuang rasuah negara, terdiri daripada ahli SPR dari Institut Pendidikan Guru (IPG), Institut Pendidikan MARA (IPMA), dan Universiti Awam (UA), telah mengemukakan 'Resolusi Gombak' di Konvensyen Sekretariat Pencegahan Rasuah Ke-6 yang berlangsung pada 9 Ogos di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

'Resolusi Gombak', penemuan utama di Konvensyen tersebut yang bertemakan 'Mahasiswa Pencetus Gelombang Transformasi Belia Berintegriti', bertujuan

untuk menyebarkan mesej anti rasuah kepada masyarakat khususnya kepada golongan belia.

Konvensyen SPR anjuran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Alumni Sekretariat Pencegahan Rasuah (ASPERA), juga berusaha untuk mendidik dan memberi kefahaman berkaitan integriti dan tanggungjawab dalam mewujudkan jentera Key Communicator SPRM di kalangan ahli-ahli SPR.

BELIA MENCEGAH RASUAH MENGGUNAKAN PENDEKATAN BLUE OCEAN

Program *Blue Ocean For Young Leaders Towards Transformational Leadership 2016: Fighting Corruption* menjadi pencetus kepada sebuah Resolusi Belia untuk menggerakkan tenaga golongan belia dalam membanteras rasuah. Program dwi-tahunan naungan Alumni Sekretariat Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPeRa), telah berlangsung di Lab Malaysian Global Innovation And Creativity Centre (MaGIC), Cyberjaya pada 30 Julai.

Pendekatan 'Blue Ocean' sememangnya berkait rapat dengan moto kelab bolasepak terkenal Liverpool, iaitu 'You Never Walk Alone'. Program ini berperanan menyediakan landasan berterusan untuk generasi muda melibatkan diri dalam kegiatan yang mencetus ilham dalam merangka strategi memerangi rasuah.

Usaha ASPeRa sebegini berkemampuan untuk menggembeleng golongan belia untuk membuka ruang minda dan membina kepercayaan diri dalam menjalani proses transformasi bagi membentuk kepimpinan beretika.

Pendekatan Blue Ocean ini telah mengumpul sumber kepakaran dan pengalaman daripada pelbagai sudut menggunakan bentuk forum sebagai media pengantara. Kepelembagaan ini terjana menerusi tajuk menarik dan terkini, iaitu 'Peranan NGO Dalam Usaha Pencegahan Rasuah Di Kalangan Belia'.

Topik tersebut telah menghasilkan pertukaran pendapat serta perbincangan yang menarik oleh barisan panel yang menampilkan Tuan Haji Zakaria Md Sam daripada Bahagian

- 1 Kami berharap elemen integriti dan anti rasuah dapat diterapkan dalam pembangunan kurikulum seluruh institut pengajian tinggi di Malaysia bagi menggalakkan pembangunan asas akhlak mahasiswa yang kukuh dan berintegriti.
- 2 Melahirkan masyarakat dan pelajar yang mengamalkan sikap kesederhanaan agar dapat menangkis budaya yang memberi impak negatif kepada diri dan masyarakat dalam memerangi rasuah.
- 3 Mewujudkan aplikasi rasmi Sekretariat Pencegahan Rasuah.
- 4 Mendidik mahasiswa agar berani tampil hadapan bagi menyampaikan maklumat berhubung rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan di institusi masing-masing
- 5 Mahasiswa sebagai agen penghubung di antara SPRM dan masyarakat dalam usaha membanteras jenayah rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan di Malaysia

KANDUNGAN RESOLUSI

- Memanfaatkan penggunaan teknologi dalam usaha memerangi rasuah-Inisiatif di kalangan golongan belia yang memanfaatkan kemajuan teknologi dan memperluaskan kelebihannya menerusi aplikasi mobil dan E-Aduan SPRM.
- Memperluaskan dan memperkenalkan saluran komunikasi di kalangan komuniti NGO, orang awam dan masyarakat bersama pihak SPRM. Platform tersebut digunakan dan dimanfaatkan untuk berkongsi inisiatif daripada masyarakat, NGO-NGO, kisah-kisah kejayaan memerangi rasuah di peringkat akar umbi.

Pendidikan Masyarakat SPRM, Encik Jufitri Joha, Naib Presiden Majlis Belia Malaysia & Aktivistis ABIM, Encik K. Sudhagan Stanley dari NGO aktivis The Centre To Combat Corruption And Cronyism (C4) dan Encik Alimudin Rahim mewakili Yayasan Anti-Rasuah Malaysia (YARM). Para peserta juga turut berpeluang mengikuti ceramah 'Peranan dan Halatuju Yayasan Anti-Rasuah Malaysia (YARM)' oleh Presiden YARM, Dato' Sri Zakaria Haji Jaafar.

Program tersebut telah sedikit sebanyak mendedahkan hadirin seramai 125 peserta kepada sudut pemikiran NGO dalam memerangi rasuah. Peserta yang hadir terdiri daripada wakil NGO Malaysia, Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR), Universiti Awam, Universiti Swasta, Institut Pendidikan MARA, dan Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Pendidikan Guru.

'WALKABOUT SPRM' DUTA PENCEGAHAN RASUAH

"Kerjasama erat antara Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan pelbagai agensi kerajaan, swasta dan masyarakat melalui program Walkabout dapat melahirkan Duta Pencegahan Rasuah yang berperanan menjadi mata dan telinga kepada SPRM untuk membanteras rasuah," kata Dato' Sri Haji Mustafar Haji Ali dalam ucapan perasmian Program Walk About Merakatkan SPRM.

Usaha kesepakatan sebegini memacu usaha-usaha untuk membudayakan integriti dan mempergiatkan kempen pencegahan rasuah dengan lebih meluas.

Program Walk About SPRM menampilkan diri sempena Melaka Car Free Zone di Menara Taming Sari, Melaka, telah membolehkan SPRM menjadi 'Mobile' dan sehaluan dengan konsep 'Merakatkan SPRM'.

Walk-About SPRM diperkenalkan untuk mendekati masyarakat dan mendengar pandangan daripada rakyat, keluhan dan harapan mereka terhadap SPRM. Pada masa yang sama suasana mesra rakyat ini membolehkan masyarakat mengenali dan memahami tugas SPRM yang sebenarnya.

Program Walk-About SPRM di Melaka dianjurkan dengan kerjasama Pengurusan Menara Taming Sari, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), dan Kerajaan Negeri Melaka, khususnya Jabatan Ketua Menteri Melaka bersama Jabatan dan Agensi Persekutuan dan Negeri.

Dato' Sri Hj Mustafar Haji Ali merasmikan program ini dengan melepaskan semua peserta di hadapan Menara Taming Sari sebelum beliau sendiri turut serta membuat kayuhan basikal sepanjang 3.8 km mengelilingi trek yang ditetapkan.



Antara yang turut hadir dalam program ini ialah Pemangku Presiden Mubarak, Dato' Nazri Azim; Ketua Pegawai Eksekutif Melaka Berhad, Insinor Hj Hairul; Pengurus Besar Menara Taming Sari Berhad, Ali Kasmin; Pengarah MOTAC Pejabat Melaka, Jefri Munir; Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil dan Pengarah SPRM Negeri Melaka, Dato' Azmi Alias.



Pelbagai aktiviti yang dijalankan antaranya aktiviti berbasikal, jogging dan berskuter elektrik. Turut diadakan acara senamrobik dengan kerjasama Hospital Pakar Putra, Melaka untuk pembuka acara.



Pameran Bergerak SPRM turut menjadi tarikan dan mengedar poster dan risalah mengenai pencegahan rasuah, membuka booth di tempat tumpuan masyarakat di Pantai Klebang, Pasar Besar Melaka, Mydin dan Melaka Sentral.



CeIO SWASTA IKON PERKHIDMATAN CEMERLANG

Buat julung kalinya, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) memulakan Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) bagi sektor swasta yang berlangsung di MACA, Kuala Lumpur.

Kursus CeIO Private Sector dikendalikan berlangsung selama 10 hari, bermula 8 Ogos melatih dan memberi pendedahan dalam pelbagai ilmu dan kemahiran berkaitan pengurusan integriti, kerangka perundangan dan peraturan serta pengurusan risiko rasuah (CRM).

Selain itu, peserta kursus juga diberi penerangan berkenaan undang-undang pencegahan rasuah, program Ikrar Integriti Korporat (CIP) serta teknik-teknik siasatan dan pengumpulan maklumat.

Salah satu elemen penting kursus tersebut adalah lawatan sambil belajar ke Siemens (M) Sdn. Bhd. dan Sime Darby Berhad yang telah memberi gambaran



Majlis penutup program tersebut disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Dato' Sri Mohamad Jamidan Abdullah.

dan citarasa pelaksanaan pelan integriti di organisasi tersebut.

Kursus CeIO Private Sector telah menutup tirai dengan anjuran forum bertajuk "Integrity in the Private Sector: Is It Important?" disusuli majlis penutup yang mengupas isu integriti di sektor swasta.

Forum tersebut bertujuan untuk mendengar amanat serta pendapat daripada ahli panel diwakili oleh tokoh-tokoh korporat tempatan seperti Tan Sri Sulaiman Mahbob, Pengerusi Telekom Malaysia Berhad (TM) dan Datuk Aminar Rashid Salleh, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Perodua.

SEMINAR ANJURAN UZBEK GENERAL PROSECUTOR, OFFICE, Organizational For Security And Cooperation In Europe (OSCE) Dan United Nation Development Programe (UNDP)



Abdul Samat membentangkan dua kertas kerja bertajuk "Role of The Integrity Unit in Enhancing Ethical Conduct" dan "Corporate Integrity Pledge a tool to Enhance Ethical Standards".

Beliau juga turut dipilih menjadi moderator untuk salah satu sesi perbincangan melibatkan Kevin Waite, daripada UNDP Ethics Office New York,

Pavel Shaseko, Prosecutor General Office Belarus, Stefan Priesner UNDP Uzbekistan dan Hans-Ullrich Ihm, Head of Office OSCE Uzbekistan.

MESYUARAT KERJASAMA DUA HALA SPRM & NACC THAILAND



Delegasi SPRM diketuai oleh Pengarah Bahagian Siasatan, yang menjalankan tugas sebagai Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Dato' Azam Baki dan disertai oleh 10 orang Pegawai Kanan manakala NACC Thailand diwakili oleh 25 orang delegasi yang diketuai oleh Penolong Ketua Setiausahaanya, Sakchai Maytineepisankul.

KUASA PENGGUNA PERANGI RASUAH. BERSAMA TEGUH HAPUSKAN RASUAH

Oleh : N. MARIMUTHU

SETIAP daripada kita adalah pengguna. Bermakna setiap mereka yang menggunakan perkhidmatan atau sesuatu produk mempunyai hak dan kuasa dalam menentukan perkhidmatan dan produk yang mereka peroleh itu berkualiti dan tidak membawa kemudaratan ke atas diri mereka.

Pembeli dan pelanggan bergantung pada kuasa membeli masing-masing tetapi pokoknya, mereka mempunyai kuasa untuk menentukan kepentingan mereka tidak terjejas dan tidak dikompromi sama sekali.

Kuasa pengguna

Pengguna boleh memainkan peranan yang amat penting dalam mewujudkan budaya berintegriti, sekali gus melahirkan persekitaran bebas rasuah.

Rasuah, perkataan yang banyak diperkatakan oleh masyarakat pada hari ini, dengan mudah dikaitkan kepada golongan kerajaan dan ahli-ahli politik.

Seperti dikatakan sebelum ini, rasuah bukan semata-mata satu isu di negara-negara yang membangun sahaja.

Sebaliknya, ia memberi kesan kepada setiap anggota masyarakat tanpa mengira status sosioekonomi.

Justeru, siapa yang patut diamanahkan untuk melawan 'malapetaka' ini?

Sedar rasuah

Rasuah wujud dalam pelbagai bentuk dan rupa dan memerlukan pendekatan yang pelbagai untuk ditangani.

Dalam hal ini perlu ada usaha untuk menyedarkan pengguna, pelanggan dan pembeli tentang peranan mereka dalam menjayakan misi memerangi rasuah. Usaha menyebarkan maklumat mengenai kepentingan setiap pihak tidak boleh dilakukan secara bersendirian malah harus dilakukan secara berterusan dan strategik.

Pejabat Program Pembangunan PBB (UNDP) merupakan antara agensi antarabangsa yang aktif dalam menggerakkan kempen pencegahan rasuah tahunan.

Agensi ini dengan tegas menekankan rasuah sebagai masalah global kerana jenayah ini wujud di negara yang kaya dan juga negara yang miskin.

Cuma bentuk dan skalanya berbeza. Jenayah rasuah mengakibatkan ketidakstabilan dan kemiskinan, malah merupakan faktor penyebab sesebuah negara rapuh dan gagal diurus dengan baik.

Pihak kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, pihak media dan rakyat wajar bergabung tenaga untuk memerangi jenayah rasuah dan bersatu untuk bebas daripada 'penyakit' ini.

Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC) juga berada di barisan hadapan dalam usaha ini dengan memastikan Konvensyen Pencegahan Rasuah PBB (UNCAC) dipatuhi oleh negara-negara anggota penerima konvensyen itu.

UNDP berharap anggota masyarakat akan bersama-sama dengan UNDP dan UNODC untuk memerangi rasuah dengan menyelenggara aktiviti-aktiviti yang kreatif dalam komuniti sempena sambutan 9 Disember setiap tahun, memanfaatkan program 'Call to Action Matrix', menggunakan logo Cegah Rasuah pada penerbitan dan dalam program dan acara yang diadakan, menghantar mesej membenci rasuah kepada kenalan mengenai kempen UNDP dan menghebah mesej menerusi Twitter atau mana-mana media sosial tentang Hari Antirasuah Sedunia bagi membolehkan dunia tahu tentang tindakan yang dilakukan untuk menjauhi jenayah rasuah.

Misi hapus rasuah

Strategi yang diusahakan oleh UNDP dan UNODC itu merupakan sebahagian daripada usaha yang diambil untuk menawan hati masyarakat pelbagai peringkat dan menjana sokongan mereka ke arah misi menghapuskan dan menjauhi rasuah.

Justeru, apa yang anda boleh lakukan? Atau apa yang kita boleh lakukan?

Menjawab soalan ini, orang sering berfikir bahawa rasuah adalah "satu cara hidup". Hakikatnya setiap masyarakat, sektor dan individu akan mendapat manfaat jika mengatakan "tidak" kepada jenayah ini.

Usaha memerangi rasuah bukan mudah dan tidak bebas daripada cabaran. Setiap sektor telah berhadapan dan akan terus berhadapan dengan cabaran. Ini termasuk kebanyakan syarikat yang menghadapi cabaran berkaitan kesan rasuah dan menangani rasuah. Cabaran yang mungkin timbul termasuklah keperluan dalam perolehan awam, rasuah dan bayaran pemudahan, pemerasan, kekurangan tadbir urus yang baik dan kedaulatan undang-undang dan kurangnya pembinaan kapasiti.

Kerja siapa?

Maka, usaha memerangi rasuah tanggungjawab siapa?

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang ditubuhkan pada tahun 2009 telah mengambil pelbagai langkah dan usaha selaras dengan visi mewujudkan masyarakat Malaysia yang bebas daripada rasuah dan menjadikan SPRM agensi pencegahan rasuah bertaraf dunia.

Langkah dan usaha dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu operasi dan pencegahan.

Dari segi operasi, sudah pasti fungsi asas ialah menjalankan siasatan dan

membawa kes ke mahkamah sekiranya buktinya mencukupi, selain menjalankan pemeriksaan sistem dan prosedur kerajaan agensi-agensi awam.

Kedua, dari segi pencegahan SPRM mengadakan ceramah, kempen pendidikan, drama bersiri, dialog dan forum dan menerbitkan bahan-bahan bacaan yang relevan.

Hanya slogan

Slogan "Anda Boleh Lakukan Perubahan" sesungguhnya menarik perhatian, tetapi belum diterjemahkan dalam tindakan setiap individu di Malaysia.

Kita perlu mengambil pendekatan menyeluruh bagi memastikan bahawa slogan ini difahami dengan menyeluruh oleh setiap anggota masyarakat.

Orang ramai perlu mengambil ikrar yang mereka tidak akan memberi atau menerima rasuah. Juga melafazkan ikrar menjauhi rasuah dan mengutamakan budaya berintegriti dalam setiap tindakan dan amalan.

Selain itu, sentiasa mendidik ahli keluarga dan rakan mengenai kepentingan menjauhi rasuah, menyertai aktiviti antirasuah dengan aktif, menggerakkan kempen secara kecil-kecilan membanteras rasuah di tempat tinggal atau tempat kerja, bekerjasama dengan agensi pencegahan dengan mengadakan program sukarelawan dan tanpa gagal melaporkan perbuatan rasuah kepada pihak berkuasa.

Komitmen bersama hapus rasuah

Komitmen menjauhi rasuah di setiap peringkat adalah penting untuk memastikan jenayah rasuah dibanteras habis-habisan.

Sama ada di peringkat domestik ataupun antarabangsa, misi mencegah rasuah tidak akan berjaya tanpa sokongan padu setiap anggota masyarakat.

Peranan ini boleh datang dalam pelbagai bentuk. Ada yang datang secara semula jadi. Dalam sesetengah situasi peranan ini muncul secara paksaan apabila kerajaan atau pihak berkuasa menguatkuasakan kod etika dan undang-undang.

Tidak dapat dinafikan bahawa setiap kumpulan rakyat mempunyai peranan sendiri. Ahli politik, pemimpin bukan kerajaan, institusi kerajaan, golongan pekerja, suri rumah dan belia. Pendek kata, setiap kumpulan ini adalah pengguna dan pembeli.

Mulakan langkah dengan berkata "tidak" dan bersikap Toleransi Sifar terhadap amalan tidak berintegriti dan rasuah. Langkah kecil ini boleh membawa perubahan ke arah lebih baik. **bs**

* Datuk N Marimuthu adalah Presiden FOMCA dan bekas ahli Panel Perundangan dan Pencegahan Rasuah, SPRM dan pendapat dalam rencana ini merupakan pendapat peribadi penulis sendiri.



SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA



www.macc.fm



youtube.com/user/ODVMA



[@SPRMCommunity](https://www.instagram.com/SPRMCommunity)